

DB77

U B557 AAB  
MAHATHIR - KOMUNIS & & &

KODIANG, 2 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA PERDANA MENTERI THAI JEN PREM TINSULANONDA EKORAN PENYERAHAN DIRI 114 ANGGOTA REJIMEN KELAPAN TENTERA PARTI KOMUNIS MALAYA (PKM) YANG DIHARAMKAN, TERMASUK 84 ORANG PENGGANAS YANG MENDAKWA RAKYAT MALAYSIA, DI THAILAND SELATAN DUA HARI LEPAS.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN BANGUNAN BARU SEKOLAH KEBANGSAAN TENGGU BENDAHARA DI SINI HARI INI, BELIAU TELAH MENULIS DAN MENGHANTAR SURAT KEPADA RAKAN SEJAWATANNYA ITU.

KATANYA, BELIAU SELAKU MENTERI DALAM NEGERI AKAN MENGELUARKAN KENYATAAN RASMI MENGENAI PENYERAHAN DIRI PENGGANAS KOMUNIS ITU SEHARI DUA LAGI DI KUALA LUMPUR.

BELIAU BERKATA, PIHAK KOMUNIS KINI BERADA DALAM KEADAAN YANG LEMAH DAN HAMPİR HANCUR.

PERDANA MENTERI BERKATA, KERAJAAN MALAYSIA TIDAK DAPAT MEMBERI PENGAMPUNAN BERAMAI-RAMAI KEPADA PENGGANAS KOMUNIS YANG MENYERAH DIRI ITU TETAPI MEREKA AKAN DIBERI PELUANG PEMULIHAN DALAM MASYARAKAT APABILA MEREKA DIBAWA BALIK KE NEGARA INI. -- LAGI.  
1458MST 02 04 87

U B558 AAB  
MAHATHIR - KOMUNIS 2 KODIANG & & &

KATANYA, KERAJAAN MALAYSIA JUGA TIDAK DAPAT MEMBERI PERTIMBANGAN KEPADA PENGGANAS KOMUNIS DARIPADA KALANGAN RAKYAT THAI YANG MENYERAH DIRI ITU UNTUK MASUK KE MALAYSIA.

BELIAU BERHARAP KERJASAMA ANTARA PASUKAN KESELAMATAN MALAYSIA DAN THAILAND DAPAT DITERUSKAN UNTUK MEMBURU SAKI-BAKI PENGGANAS KOMUNIS YANG MASIH BERGERAK DI SEMPADAN BERSAMA. -- BERNAMA.  
1459MST 02 04 87